

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
KEJOHANAN SUKAN ANTARA KOLEJ (SUKOL)
UCS 2025**

**22 JUN 2025 | AHAD | 2.00 PETANG
DEWAN BERLIAN
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL ‘AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU ‘ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WALMURSALIINWA ‘ALAAALIHI
WASOHBIHI AJMA’IN**

YBrs. Profesor Ir Ts Dr Mohamad Hafiz Mamat

Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi

YBrs. Profesor Dr Norazmir Md Nor

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

YBrs. Profesor Dr Mohd Hafiz Mohd Hanafiah

Timbalan Rektor Hubungan Industri, Komuniti,
Alumni & Keusahawanan (iCARE)

Barisan Pengurusan Eksekutif Negeri

UiTM Cawangan Selangor

Barisan Ketua Bahagian & Ketua Unit

Barisan Pengetua Unit Residen dan Hospitaliti
Pelajar

Barisan Atlet Kejohanan Sukan Antara Kolej
(SUKOL) UiTM Cawangan Selangor 2025

Barisan Ahli Jawatankuasa Penganjur

Mahasiswa yang dikasihi, warga UiTM Cawangan
Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin
sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada petang ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Penutupan Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) UiTM Cawangan Selangor 2025.**
2. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan syabas saya ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa terlibat yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan program SUKOL pada tahun ini, yang terdiri daripada staf dan pelajar UiTM Cawangan Selangor.
3. Tidak dilupakan, syabas dan tahniah kepada semua atlet yang mengambil bahagian. Terima kasih atas semangat kesukanan dan komitmen anda yang telah menjadikan SUKOL UCS 2025 satu kejayaan.
4. Saya difahamkan bahawa kejohanan ini dianjurkan buat julung kalinya di UiTM Cawangan Selangor

dengan menggunakan nama SUKOL (Sukan Kolej), selaras dengan penjenamaan oleh Pusat Sukan dan UiTM Cawangan lain.

5. Saya juga berbangga apabila SUKOL UCS 2025 menyaksikan penyertaan dan penglibatan lebih dua ribu orang pelajar dan lebih 100 orang staf yang mewakili 9 kolej kediaman dan *Non-Resident*.

Hadirin yang dihormati,

6. Pepatah Arab ada menyebut; *“Akal yang sihat terdapat pada tubuh badan yang sihat”*.
7. Hakikatnya, manusia memerlukan aktiviti yang dapat menjadikan dirinya aktif dan cerdas, serta terhindar daripada kemurungan dan kelesuan.
8. Dalam hubungan ini, amalan bersukan dan beriadah bukan sahaja memenuhi tuntutan agama,

malah turut memberikan kesihatan fizikal, emosi dan kecerdasan mental.

9. Justeru, pihak pengurusan UiTM Cawangan Selangor sentiasa cakna dan menyokong usaha untuk menghidupkan suasana "*Sporting Campus*" dengan meluluskan pelbagai program bertemakan sukan.

10. Sokongan ini bertujuan menggalakkan pelajar mengamalkan gaya hidup sihat serta memperkukuh sahsiah diri, selaras dengan falsafah UiTM dalam melahirkan graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan bakat, serta menyumbang kepada pembangunan diri, masyarakat dan negara.

11. Program Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) UCS 2025 yang telah dijalankan dari 20 hingga 22 Jun ini merupakan sebuah inisiatif Unit

Sukan dengan kerjasama Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar UiTM Cawangan Selangor untuk mencungkil bakat dalam kalangan pelajar dan memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk mengembangkan bakat ke tahap yang lebih tinggi.

12. Bakat-bakat yang digilap ini seterusnya akan mewakili pasukan UiTM Cawangan Selangor dalam acara-acara sukan tahunan yang besar seperti Karnival Sukan Mahasiswa (KARISMA), dan seterusnya mengharumkan nama UiTM Cawangan Selangor.

13. Bukti daripada inisiatif ini telahpun membuahkan hasil apabila pasukan UiTM Cawangan Selangor berjaya menjadi juara keseluruhan KARISMA 2024, seterusnya mempertahankan kejuaraan sembilan tahun berturut-turut.

14. Saya berharap Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) UCS 2025 berjaya mencapai objektif

yang telah ditetapkan dan memberi impak positif kepada semua pihak yang terlibat.

15. Semoga program ini bukan sahaja berjaya mencungkil bakat, malah mengeratkan ukhwah, memperkukuh perpaduan, dan memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan mahasiswa.

16. Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.

Berjuang hebat penuh semangat,
Sorakan kuat membakar jiwa.
Kejohanan ini medan muafakat,
Mahasiswa bersatu memburu Juara.

17. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis**

**Perasmian Penutupan Kejohanan Sukan
Antara Kolej (SUKOL) UiTM Cawangan
Selangor 2025**

**Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh**